



KEDUA-DUA pihak bergambar bersama selepas majlis menandatangani MoU di Serdang, Selangor.

UPM - Perdana University jalin kerjasama penyelidikan

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) melalui Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) menjalinkan kerjasama dengan Perdana University bagi tujuan penyelidikan dan peningkatan akademik terutama dalam bidang terapi berkuda baru-baru ini.

Menurut Naib Canselor Perdana University, **Prof. Dr. Zabidi Azhar Mohd Hussin**, pihaknya mempunyai Sekolah Terapi Pekerjaan yang menggunakan kuda sebagai satu bentuk rawatan pemulihan untuk pesakit strok, autistik mahupun penderita palsy serebrum (*celebral palsy* atau CP).

Katanya, penyelidikan tersebut merupakan sesuatu yang baharu di Malaysia dan masih belum banyak data mengenainya ditemui.

“Telah terbukti bahawa semasa proses pemulihan, pergerakan kuda mempercepat pemulihan pesakit apabila diletakkan atas kuda.

“Ini akan menjadi peluang yang baik untuk UPM dan Perdana University bekerjasama dalam penyelidikan kerana masih belum banyak data tentang ini,” katanya.

Memorandum persefahaman (MoU) itu ditandatangani beliau yang mewakili Perdana University dan Naib Canselor UPM, **Prof. Dr. Datin Paduka Datuk. Dr. Aini Ideris**.

Yang turut hadir ialah Timbalan Dekan Akademik (Perubatan) FPSK, Prof. Dr. Zamberi Sekawi dan Pendaftar Perdana University, Norpisah Mat Isa.



DR. AINI IDERIS (dua kiri) dan **Dr. Zabidi Azhar Hussin** (dua kanan) tertarik dengan buku *From Seed to Towering* pada majlis menandatangani MoU di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Idea menjalinkan kerjasama tersebut timbul apabila pengurusan UPM mengadakan lawatan ke Kampus Perdana University pada 6 Julai tahun lalu sehingga membawa kepada kesepakatan untuk menandatangani MoU dalam memperkasa usaha-usaha penyelidikan perubatan.

Sementara itu, Dr. Aini berkata, MoU tersebut turut meliputi pertukaran akademik iaitu latihan dan penyelidikan, pertukaran pelajar pasca serta prasiswa, pertukaran maklumat, dan aktiviti penyelidikan bersama.

“Selain itu, ia turut melibatkan latihan dan seminar bersama serta bengkel selain pelantikan kakitangan sebagai perunding atau penilai luar bagi

pembangunan program akademik yang baharu.

“UPM amat terbuka dalam menyahut semangat keserakanan dan menjalin kerjasama dengan universiti dan institut penyelidikan yang lain.

“MoU ini akan menjadi pemangkin ke arah peningkatan kualiti program akademik dan penyelidikan di UPM khususnya dalam bidang perubatan dan sains kesihatan,” ujarnya.

Selain itu, beliau berpendapat, kerjasama dengan institusi di dalam dan luar negara merupakan salah satu strategi untuk menghasilkan penyelidikan yang berimpak tinggi.

Kerjasama penyelidikan antara kedua-dua universiti itu dijangka akan bermula sekitar Januari tahun depan.